



24 APR, 2026

347 rumah Baiti Jannati diserahkan

Harian Metro, Malaysia



Kuala Lumpur: Sebanyak 347 rumah telah diserahkan menerusi Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan bermula tahun 2016 sehingga tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Hannah Yeoh berkata, ia termasuk 20 rumah perumahan awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menurutnya, 20 rumah itu disediakan melalui pembiayaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melibatkan tujuh kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, tujuh kawasan itu melibatkan empat penerima masing-masing di Bandar Tun Razak, Batu dan Setiawangsa.

"Tiga penerima di Che-

347 rumah Baiti Jannati diserahkan



HANNAH Yeoh menyerahkan sijil kepada penerima Normalah Ahmad (tiga dari kanan) dan isterinya. - Gambar NSTP/HAI DATUL ELYANI HERMAN

ras, dua penerima masing-masing di Lembah Pantai dan Bukit Bintang serta seorang penerima di Wangsa Maju.

"Ini bermakna bantuan ini benar-benar sampai ke pelbagai kawasan di mana bukan hanya tertumpu di satu tempat sahaja.

"Bila kita sebut 20 rumah, sebenarnya kita sedang bercakap tentang 20 keluarga di tujuh kawasan berbeza yang kini mempunyai peluang hidup yang lebih stabil," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Penyampaian Program

Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan di Dewan Serbaguna Perumahan Awam Desa Rejang, semalam.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Fadlun Mak Ujud dan Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid.

Hannah berkata, Prog-

ram Baiti Jannati ini mempunyai impak yang sangat jelas walaupun ia nampak kecil jika dibandingkan dengan projek besar lain.

Dalam pada itu, Abdul Razak berkata, TNB telah membelanjakan lebih RM69 juta bagi menyediakan 997 rumah dari Projek Baiti Jannati (PBJ) di seluruh negara sehingga tahun lalu.

Katanya, sejak 2016, sebanyak 161 unit rumah bernilai RM8.19 juta telah diserahkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui kerjasama erat DBKL.

"Calon penerima dipilih berdasarkan data e-kasih dan tapisan pelbagai agensi termasuk Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi memastikan bantuan sampai kepada golongan miskin tegar yang benar-benar memerlukan," katanya.